

# **SM Sains, SM St Anthony dan SMK Taman Perumahan Bedaun Catat 100% Calon Layak Dapat Sijil SPM 2019**



**Labuan, 5 Mac 2020 –** SM Sains Labuan, SM St Anthony dan SMK Taman Perumahan Bedaun mencapai 100% calon layak mendapat Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2019.

Pengarah Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin, ketika mengumumkan keputusan itu di Dewan Terbuka SM St Anthony, hari ini.

871 orang calon layak mendapat sijil dengan jumlah peratus 90.35% berbanding 840 orang calon dengan jumlah

peratus 92.72% tahun 2018 perbezaan 2.37%.

Pencapaian Gred Purata Negeri (GPN) pula adalah 5.12 berbanding 4.98 pada 2018.

Seramai 12 orang atau 1.24 peratus daripada 964 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekolah kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan berjaya mendapat keputusan cemerlang dengan skor

A dalam semua mata pelajaran yang diambil.

Pada keseluruhannya pencapaian calon sekolah kerajaan di Labuan dalam SPM 2019 untuk setiap mata pelajaran adalah amat memberangsangkan.

15 mata pelajaran telah mencapai kelulusan 100% daripada 35 mata pelajaran yang diambil oleh calon.



Ceria dan Gembira ! guru-guru dan pelajar-pelajar cemerlang SM Sains berswafoto bersama Pengetua Tuan Haji Syukri

Calon-calon cemerlang SPM 2019 Labuan ialah :

Bil	Nama Calon	Sekolah	Keputusan
-----	------------	---------	-----------

1.	NURIN ANIS FARIHAH BINTI MOHD AZID	SM Sains	7(A+), 2(A)
2.	ARMAN IDLAN BIN HAIDIS	SM Sains	4(A+), 4(A), 1(A-)
3.	MIRZA SYAHMI BIN AFANDI	SMK Mutiara	4(A+), 4(A), 3(A-)
4.	MOHAMAD DANIEL HAKIM BIN MATDAIM	SM Sains	4(A+), 3(A), 2(A-)
5.	MOHAMMAD SHAHRIZAL BIN NORISHYAM	SM Sains	4(A+), 3(A), 2(A-)
6.	MUHAMMAD LUQMAN EMAN BIN MOHD SALLEH	SM Sains	4(A+), 2(A), 3(A-)
7.	RUBENRAJ A/L NANDA KUMAR	SMK Labuan	4(A+), 2(A), 3(A-)
8.	MOHD AZUNADEN	SM Sains	3(A+), 4(A), 2(A-)
9.	SUFY AZYRA BINTI MOHD AZRIE	SM Sains	2(A+), 4(A), 3(A-)
10.	CHAU LINDON	SMK Labuan	1(A+), 2(A), 6(A-)
11.	DAHLIA FARISAH BINTI DERIN	SM St Anthony	7(A), 2(A-)
12.	SIT JING YEE	SMK Labuan	3(A), 5(A-)



Syabas dan Tahniah ! Gambar Kenangan : Adik Mirza Shahmi bin Afandi bersama ibu bapa

---

## **Pemimpin Sekolah Labuan Hadiri Kursus Pembugaran**

# **dan Bengkel Pengisian Data SKPMg2**



**Labuan, 1 Mac 2020** – Seramai 38 Pengetua, Guru Penolong Kanan dan pegawai angkat sekolah telah menghadiri Kursus Pembugaran dan Bengkel Pengisian Data SKPMg2 yang diadakan di Bilik Benua, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) pada 28 dan 29 Februari 2020.

## **Kursus**

ini bertujuan untuk membangunkan kompetensi Pasukan Pelaksana Standard (PPS) dalam SKPMg2 dan membugarkan kemahiran proses pelaksanaan SKPMg2 dalam kalangan pegawai angkat sekolah, Senior Leader Team (SLT) dan Pasukan Pelaksana SKPMg2 di peringkat sekolah. Kursus ini diurussetiakan oleh

Sektor Perancangan, JPWPL.

SKPMg2 merupakan instrumen yang digunakan untuk memandu sekolah ke arah proses kerja yang betul dan meningkatkan akauntabiliti pihak pengurusan sekolah. Pemantauan dilakukan oleh jemaah nazir secara berterusan.

Menurut penyelaras kursus SKPMg2 merangkap Penolong Pengarah Sektor Perancangan, Puan Kamariah binti Salim, kursus ini diadakan sebagai inisiatif terhadap maklumbalas daripada laporan oleh Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (JNJK) berkaitan dengan Penilaian Kendiri Sekolah (PKS) dan Audit Kebangsaan (2017). Didapati wujud jurang skor antara PKS dan Audit JNJK dalam standard 1 hingga standard 3 yang disebabkan oleh tahap kefahaman yang masih kurang tentang pemberian skor dalam kalangan Pengetua Guru Besar (PGB). Justeru, Task Force SKPMg2 perlu diadakan untuk mengatasi isu berkenaan.

*“Kursus pembugaran ini sangat penting agar PGB dan PKS lebih yakin berkaitan cara penulisan evidens pelaksanaan dengan lengkap ke dalam sistem SKPMg2 bagi tiga fasa penilaian. Di samping itu perkongsian yang diperolehi melalui kursus ini dapat di sebar luaskan di kalangan warga sekolah khususnya dalam Penilaian Kendiri Sekolah yang berlangsung sepanjang tahun dan kemasukan data penilaian secara atas talian dalam portal NKRA.” katanya selepas kursus tersebut.*

Menurutnya lagi, data SKPMg2 merupakan ‘tools’ yang digunakan oleh JPWPL untuk membuat analisis jurang bagi merancang program atau aktiviti bimbingan yang bersesuaian.

Kursus selama dua hari ini telah dikendalikan oleh Jemaah Nazir

Sabah iaitu Puan Hayati Binti Mahmud yang berpengalaman luas dalam bidang penaziran selama 17 tahun dan Cik Irfah Samahah Binti Abu Bakar.



Peserta begitu khusuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh Puan Hayati Mahmud .



Peserta sedang khusyuk berbincang tentang cara pengisian skor dan evidens dalam aktiviti berkumpulan.

Antara pengisian dalam kursus ini ialah penerangan tentang peranan dan tindakan jawatankuasa pasukan pelaksana standard (PPS) aspek kemahiran prosedur dan audit, kerangka proses pengisian portal NKRA, kemahiran pemberian skor untuk standard 1 hingga 4, kerja kumpulan dan pembentangan.

### Majlis

penutupan kursus telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Sektor Perancangan JPWPL, Puan Khaziyati Binti Osman.

### Dalam

ucapannya beliau mengucapkan tahniah di atas kehadiran dan komitmen yang tunjukkan oleh semua peserta sepanjang kursus ini dijalankan. Beliau turut mengingatkan berkaitan tugas-tugas di sekolah merupakan suatu cabaran yang perlu dilaksanakan untuk mendapatkan keberkatan.

Tambahnya lagi berkaitan Integriti dan Realiti dalam pemberian skor SKPMg2, berdasarkan laporan analisis SKPMg2 yang dibentangkan oleh pihak nazir dalam Dialog Prestasi Nasional (DPN) pada 23 Februari lalu berkaitan standard 1 (kepimpinan), standard 4 (pengajaran dan pembelajaran) dan standard 5 (keberhasilan), di dapati korelasinya adalah kecil.



Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Puan Khaziyati Osman sedang menyampaikan ucapan semasa Majlis Penutupan Kursus Pembugaran dan Bengkel Pengisian Data SKPMg2 Siri 1.

Standard 5 merupakan realiti terhadap keputusan peperiksaan awan seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM), Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan Kokurikulum (PAJSK), Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM), Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dan psikometrik.

Manakala standard 1 hingga 4 adalah pengisian kendiri yang dilakukan oleh pihak sekolah. Justeru memerlukan integriti yang tinggi dalam pengisian skor tersebut.

*"Melalui kursus ini, JPWPL akan mengenalpasti jurulatih-jurulatih utama SKPMg2 untuk membantu merapatkan jurang skor verifikasi dan data penilaian kendiri sekolah. SKPMg2 juga diharap dapat dijadikan alat untuk menilai kerja buat kita di sekolah". Katanya semasa berucap dalam majlis penutupan kursus.*



Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun, Encik Ag Rozlan sedang membentangkan hasil perbincangan kumpulan.

---

# Rumah Kenyalang Juara Baru Kejohanan Olahraga SMK Labuan 2020



Labuan, 2 Mac 2020 – Persaingan perebutan juara antara

Rumah Kenyalang dan Rumah Rajawali dalam Kejohanan Olahraga SMK Labuan Kali Ke 60 Tahun 2020 berlangsung sengit.

Dengan pungutan 23 emas, 13 perak, 12 gangsa, akhirnya Rumah Kenyalang diistiharkan sebagai juara baru meninggalkan Rumah Rajawali dengan pungutan 21 emas, 10 perak dan 22 gangsa.

Tempat ke-tiga dan ke-empat masing-masing diraih oleh Rumah Garuda (13 emas, 19 perak, 16 gangsa) dan Rumah Merak (7 emas, 21 perak, 13 gangsa).

Kali terakhir Rumah Kenyalang menjuarai Kejohanan Olahraga SMK Labuan ialah pada tahun 2014.

Lebih manis, atlit Rumah Kenyalang, Muhammad Hanis Syazwan dinobatkan sebagai Olahragawan Lelaki 18 Tahun dengan unggul memenangi pingat emas 100 meter lari berpagar, memecahkan rekod kejohanan 200 meter lari berpagar, dan pingat perak dalam acara lompat kijang.



Naib Johan Keseluruhan Rumah Rajawali  
Mavis Yong Xiao Yee dari Rumah Merak pula dinobatkan sebagai Olahragawati Perempuan 18 Tahun dengan memenangi pingat emas dalam acara 100 meter, 400 meter (rekod baharu kejohanan), 3000 meter dan pingat perak dalam

acara 4 x 100 meter.

Rumah Rajawali menguasai gelaran olahragawan Lelaki dan Perempuan 15 Tahun melalui Elvinsius Romanus Rely dan Zukrina Azra Zainudin.

Elvinus memenangi pingat emas dalam acara lompat jauh, lompat kijang, 800 meter, 4 x 400 meter dan 4 x 100 meter.

Zukrina pula memenangi pingat emas lompat jauh, lompat kijang, 400 meter, 4 x 100 meter dan 4 x 400 meter.



Muhamad Hanis Olahragawan Lelaki 18 Tahun



Elvinsius (Olahragawan L15) dan Zukrina Azra (Olahragawati P15)

Kejohanan ini berlangsung pada 28 dan 29 Februari di Kompleks Sukan Labuan, dirasmikan oleh Dato' Sri Haji Amir bin Haji Hussien, Pengurus Perbadanan Labuan, merangkap Bapa Angkat Korporat SMK Labuan.

Dato' Sri Haji Amir berkata bidang sukan merupakan antara platform terbaik untuk melahirkan murid-murid yang cergas fizikal dan mental.

*“ Menerusi latihan yang konsisten dan seimbang daripada pelbagai aspek yang merangkumi minda, fizikal, otot, saraf dan emosi, sukan juga mampu membentuk seorang murid yang cergas, patuh dengan aturan ”.*

*“ Secara tidak langsung membentuk seorang atlet yang berhemah tinggi, bertanggungjawab, berdisiplin dan mempunyai jati diri yang kental serta mempunyai daya kepimpinan ”. Dato' Sri Haji Amir bin Haji Hussien.*



Gambar kenangan bersama guru-guru SMK Labuan. Sementara itu, Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah menzahirkan penghargaan kepada PIBG sekolah di atas bantuan membiayai sebahagian kos penganjuran kejohanan. Begitu juga sumbangan yang diberikan oleh bekas murid-murid tingkatan 5 SMK Labuan yang banyak membantu guru-guru dalam jawatankuasa teknikal.

Encik Ismail berharap SMK Labuan dapat memberi cabaran hebat dalam Kejohanan Olahraga MSSWPL yang akan berlangsung pada 9-13 Mac 2020. Sasaran SMK Labuan sekurang-kurangnya tempat kedua keseluruhan.

Turut hadir, YDP PIBG SMK Labuan, Tuan Haji Md Yusof Haji Chuchu dan Penolong Kanan Kokurikulum, Encik Cheah Teong Aik.

**Berita Oleh : SMK Labuan**



Kontinjen Rumah Garuda



Kontinjen Rumah Merak



Olahragawati Perempuan 18 Tahun Mavis Yong Xiao Yee



Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada sukarelawan yang terdiri daripada bekas murid-murid SMK Labuan



Cikgu Hasriah Sidik (Ketua Guru Rumah Kenyalang – 2 dari kanan) gembira bersama guru-guru dan ahli-ahli Rumah Kenyalang

# **Lawatan SK Rosok Kota Belud Ke Sungai Bedaun : Perkongsian Amalan Terbaik dan Pengurusan PIBK**



**Labuan, 2 Mac 2020** – Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Bedaun menerima kunjungan muhibbah guru-guru dan Ahli Jawatankuasa PIBG SK Rosok, Kota Belud Sabah pada 29 Februari lalu.

Rombongan ini diiringi oleh Puan Rina @ Farrina binti Dakim (Penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Sekolah Unit Sekolah Khas, JPWP Labuan).

Turut hadir YDP PIBG SK Sungai Bedaun, Tuan Haji Sahrum bin Samlan bersama Ahli Jawatankuasa PIBG SK Sungai Bedaun sesi 2020/2022. Rombongan SK Rosok , Kota Belud telah diketuai oleh Guru Besar, En. Abd. Aziz Zaman berserta ahli rombongan seramai 22 orang terdiri dari Guru-guru dan AJK PIBG SK Rosok turut rombongan tersebut En Sigam Anggor YDP PIBG Sk Rosok.

Guru Besar SK Sungai Bedaun (SKSB) Puan Dg Sarifah binti A Mahmod, berkata fokus lawatan penanda arasan ini ialah Pengurusan PIBK dan perkongsian amalan terbaik dalam pelaksanaan program TS 25, SKSB merupakan sekolah TS 25 bagi kohort 2. Amalan terbaik yang dikongsikan berkenaan Projek menaik taraf Musalla Al-Kauthar.



**PERSEFAHAMAN:** Puan Dg. Sarifah telah menandatangani memorandum Persefahaman Kolaboratif Startegik Pengurusan PIBK bersama en. Abd Aziz zaman , Guru Besar SK. Rosok sambil disaksikan Puan Rina Farrina (berdiri, dua dari kanan), Ustaz Sahrum bin Samlan (YDP PIBG) EN. Sigam Anggor (YDP PIBG SK Rosok) serta Penolong-Penolong Kanan SKSB dan SK Rosok, Kota Belud, Sabah.

YDP PIBG telah membuat perkongsian tentang program-program yang melibatkan PIBK sepanjang tahun 2018 dan 2019, sehingga melayakkan SKSB menerima penarafan 5 bintang bagi PIBK peringkat kebangsaan.

Penolong Kanan Pentadbiran, Puan Noraliza binti Allbi pula berkongsi tentang projek menaik taraf Musalla Al-Kauthar sehingga dipilih untuk mewakili WP Labuan ke Pertandingan Anugerah Surau Imarah Sekolah-Skeolah (ASIIS) peringkat kebangsaan pada tahun 2019.

Rombongan  
melihat persembahan kulintangan dari murid-murid SKSB  
dan dibawa melawat ke kelas-kelas prasekolah  
SKSB, Galeri Permata SKSB, Taman Herba SKSB, Sudut STEM,  
Taman Botani  
Al-Kauthar, dan Musalla Al-Kauthar.

Majlis  
menandatangani memorandum Persefahaman Kolaboratif Startegik di antara  
kedua-dua SKSB dan SK Rosok turut diadakan di akhir sesi  
lawatan.

Dalam ucapan balas, En. Abd Aziz mewakili ahli rombongan mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada pihak sekolah atas perkongsian amalan terbaik dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai, segala perkongsian ini wajar dicontohi terutama sekali dalam penglibatan ibubapa untuk memacu kecemerlangan sekolah.

Semoga dengan adanya jalinan ini kedua-dua pihak akan saling berkongsi ilmu dan bertukar pandangan ke arah pemantapan Pengurusan PIBK di tempat masing-masing.

### **Berita Oleh : SK Sungai Bedaun**



KENANGAN: Puan Dg. Sarifah (duduk, tengah), Puan Rina Farrina (duduk, dua dari kanan) bersama En. Abdul Aziz Guru Besar SK Rosok, Kota Belud (duduk , tiga dari kiri) , En. Sigam Anggor YDP PIBG ,Sk Rosok (duduk dua dari kiri) Us sahrum Samlan YDP Pibg sk. Sungai Bedaun(duduk kiri



TERUJA; Ahli rombongan teruja melihat keadaan persekitaran sekolah yang menghijau ditumbuhi oleh tanaman pelbagai jenis sayur-sayuran di sekitar Taman Botani Al-Kauthar

---

## **Pengarah Pendidikan W.P Labuan Merasmikan Bilik Rehat Guru Sk Rancha-Rancha**



Labuan 1 Mac – Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Encik Raisin bin Saidin telah merasmikan bilik rehat “Rest & Relax” untuk guru-guru SKK SK Rancha-Rancha. Bilik ini diwujudkan bagi memberikan keselesaan dan keceriaan kepada guru.

Guru Besar, Norinnie binti Kassim berkata, sekolah mengambil inisiatif itu selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan (KPM) yang menyarankan pihak sekolah mewujudkan ruang rehat kepada warga guru.

“Bilik rehat ini dapat digunakan guru yang mempunyai masa lapang setelah selesai menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Bilik rehat yang diusahakan oleh Kelab Staff SK Rancha-Rancha telah berjaya menyiapkan bilik rehat yang selesa untuk guru sekolah ini. Pengerusi Kelab Staff, Ladin bin Saipin berkata “kami bergotong-royong menyediakan bilik

itu, mengubah dan menghias bilik agar kelihatan kemas serta ceria sepanjang masa”.



Bilik rehat guru “rest & relax” SK Rancia-Rancia  
Raisin berkata berkata bilik  
rehat yang kondusif dan ceria mampu menyuntik semangat  
guru agar gigih bekerja  
mendidik anak bangsa sehingga berjaya.

“Tahniah saya ucapkan  
kepada warga SK Rancia-Rancia kerana dapat menyediakan  
bilik rehat guru yang  
kondusif dan ceria. Dengan adanya bilik rehat ini, guru  
dapat mengeratkan  
hubungan silaturahim, mesra kawan dan saling rasa hormat  
dengan rakan  
sejawat,” katanya.

Perasmian bilik tersebut sempena mesyuarat agung PIBG SK Rancia-Rancia yang berlangsung di Dewan terbuka SK Rancia-Rancia. Seramai 202 orang ibu bapa dan guru hadir pada mesyuarat tersebut. Turut hadir penolong kanan pentadbiran, Midah binti Yusop, penolong kanan HEM, Shawal bin Abd Rahman, penolong kanan ko-kurikulum, Zulkipli bin Pabin dan penolong kanan KPKP, Rodhy Edward

Anak Edward Jalin.



Raisin (tengah) bergambar kenangan bersama ibu bapa yang hadir mesyuarat agung PIBG

Tertib acara diteruskan lagi dengan taklimat

kesihatan oleh Yang Dipertua (YDP) Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG), Dr

Mohammad Hamim Mohammad Hanifah, dan seterusnya taklimat keselamatan murid oleh

pegawai perhubungan polis sekolah, ASP Sukvinderjeet Singh A/L Chanan Singh dan

taklimat Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBD) oleh Guru Besar, Norinnie binti

Kassim dan taklimat Inklusif & Zero Reject Policy oleh Penolong Pengarah,

Sektor Pendidikan Khas, JPNWPL, Noraini binti Hj Sabudin. Turut hadir, pegawai

angkat sekolah, Zaliha binti Mohd Salleh dan ibu angkat sekolah, Datin Hjh Dyg

Pungut binti Abd Jalil. Mesyuarat telah membentangkan aktiviti dan perbelanjaan tahun 2019/20 dan usul ibubapa yang

telah diedar melalui “Google form”.

---

# **SMK Labuan Cipta Hatrik Johan Keseluruhan Catur MSSWPL 2020**



**Labuan, 1 Mac 2020** – SMK Labuan mencipta hatrik Kejohanan Catur Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan (MSSWPL) 2020, setelah menjadi johan keseluruhan 3 tahun berturut-turut bermula tahun 2018.

Kejohanan Catur MSSWPL 2020 telah berlangsung di Dewan SK Layang-Layangan pada 25 hingga 28 Februari lalu.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Labuan, Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad.

SMK Labuan muncul johan berpasukan bagi kategori Lelaki 18 tahun,  
Perempuan 18 tahun, Lelaki 15 tahun dan naib johan berpasukan bagi kategori

Perempuan 15 tahun.

SMK Labuan menyapu bersih kategori Lelaki 18 tahun dengan Wong Wei Jie dinobatkan sebagai johan, Lim Chee Yong naib johan dan Wong Wei Hao di tempat ketiga.



Tuan Haji Abdul Rahman menyampaikan Trofi Johan Berpasukan L18 kepada Cikgu Masyitah Musa Edison Lau Wei Chun meraih johan bagi kategori Lelaki 15 tahun, manakala Connie Lam Poh Yi dan Celine Tan Xing Er masing-masing meraih naib johan dan ketiga kategori Perempuan 18 tahun.

Guru Penasihat Pasukan Catur SMK Labuan, Cikgu Cheah Teong Aik, Cikgu Masyitah Binti Musa, Cikgu Rubaizah Binti Basir dan Cikgu Liaw Chia Chiun.

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan catur SMK Labuan di atas kejayaan yang membanggakan ini dan berharap pasukan akan lebih gigih berlatih untuk persiapan kejohanan peringkat kebangsaan kelak.

*"Kejayaan ini adalah berkat daripada usaha Kelab Catur SMKL yang aktif melaksanakan Klinik Catur peringkat*

*sekolah secara konsisten utk memastikan sentiasa ada pemain pelapis untuk kejohanan-kejohanan akan datang."*  
*Encik Ismail Abdullah*

Kejohanan Catur Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dijangka akan diadakan pada 14 hingga 20 Mac 2020, di Kuala Lumpur.

**Berita Oleh : SMK Labuan**



SMK Labuan Johan Berpasukan L15 , Cikgu Rubaizah Basir menerima trofi kemenangan



Johan Berpasukan P18



Tuan Haji Abdul Rahman menyampaikan Trofi Johan Keseluruhan kepada En Cheah Teong Aik (PK Kokurikulum SMKL)